

IMP3 bantu seimbang sosioekonomi negara

Usaha membangun MPPB yang berdaya saing, kritikal

Oleh Azman Zakaria, Zainab Mohd Yatim dan Azli Ayob

KUALA LUMPUR: Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) akan menangani ketidakseimbangan pembangunan sosioekonomi dengan mengurangkan jurang perbezaan antara kaum dalam bidang keusahawanan, pemilikan aset produktif serta pekerjaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata status negara maju yang mahu dicapai oleh Malaysia pada 2020 akan hanya bermakna jika kekayaan yang diwujudkan disertai pembangunan sosioekonomi seimbang.

"Kemakmuran tanpa keseimbangan berterusan tidak adil dan tidak lestari untuk tempoh jangka panjang.

"Pembangunan sosioekonomi seimbang menyumbang kepada kestabilan masyarakat, yang amat kritikal untuk memacu pembangunan serta

kemakmuran negara seterusnya," katanya ketika berucap melancarkan IMP3 di sini, semalam.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, usaha membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang kompetitif serta berdaya saing adalah kritikal.

Beliau berkata, masyarakat Bumiputera sudah menunjukkan peningkatan besar dalam bidang perniagaan tetapi masih banyak yang perlu dilakukan bagi meningkatkan lagi perusahaan mereka supaya terus mampan.

Katanya, semua kementerian dan agensi yang bertanggungjawab terhadap pembangunan perdagangan dan industri perlu mencari kaedah membina bagi menggalakkan pembabitian Bumiputera dalam ekonomi.

"Kita perlu mensasarkan penyertaan seimbang antara kaum bagi semua tiga teras ekonomi IMP3 (pembuatan, perkhidmatan dan pertanian), dan pada semua peringkat eko-

“Kemakmuran tanpa keseimbangan berterusan tidak adil dan tidak lestari untuk tempoh jangka panjang. Pembangunan sosioekonomi seimbang menyumbang kepada kestabilan masyarakat untuk memacu pembangunan”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

BH-19/10/2006
nomi negara," katanya.

Beliau berkata, ia boleh dicapai melalui usaha sama dan pakatan strategik antara entiti Bumiputera dengan bukan Bumiputera, yang disifatkannya masih belum banyak dibentuk dan memerlukan usaha lebih gigih.

"Kerjasama seumpama itu akan menghasilkan sinergi dan meningkatkan lagi daya saing syarikat, bukan semata-mata untuk pasaran dalam negara tetapi juga bagi menghadapi saingan di luar negara," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, pembangunan sosioekonomi seimbang turut membabitkan usaha mengekalkan keseimbangan alam sekitar yang mampan tanpa menjejaskan sumber semula jadi.

Beliau juga berkata sumbangan golongan wanita yang membentuk separuh daripada jumlah penduduk tidak boleh dipandang ringan dan perlu dibimbing dengan sepenuhnya dalam pembangunan modal insan.